

**Walaupun 'Mission Impossible', Anwar boleh tewas, kata Ahmad Maslan
Malaysian Insider
Feb 27, 2014
OLEH MOHD FARHAN DARWIS**

Tewas di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang adalah tamparan besar buat Datuk Seri Anwar Ibrahim, kata Ketua Penerangan Umno, Datuk Ahmad Maslan.

Anwar adalah calon PKR di kerusi yang dikosongkan Lee Chin Cheh bagi Pakatan Rakyat (PR) manakala Barisan Nasional (BN) meletakkan Datin Paduka Chew Mei Fun daripada MCA untuk bertanding dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Kajang pada 23 Mac depan.

"Kalau Anwar kalah, itu pukulan terhebat kepada beliau," kata Ahmad pada sidang media selepas ceramah kelompok di Sekamat Luar, Kajang malam tadi.

Ahmad turut berkata, sekiranya Ketua Pembangkang itu tewas kepada Chew, akan wujud persoalan dalam PKR terhadap kepimpinan Anwar dalam parti komponen PR itu.

"Sudah pasti akan ada yang mempersoalkan Anwar dari dalam PKR jika beliau kalah," kata Ahmad.

Timbalan menteri kewangan I itu dalam ucapannya di hadapan kurang 100 penyokong Umno di kawasan berkenaan berkata, PRK DUN Kajang adalah cubaan Anwar untuk mengelak daripada perbicaraan kes liwat beliau yang kini masih dibicarakan di mahkamah.

"Pada pandangan peribadi saya, beliau (Anwar) ingin jadikan menang atau kalah di Kajang sebagai perisai beliau dalam kes liwat.

"Sudah jadi menteri besar orang tidak berani tahan dia. Agaknyalah.

"Kalau ada, agaknya dia tidak boleh saman saya," kata Ahmad, disambut gelak ketawa penyokong Umno yang hadir.

Ahli Parlimen Pontian itu turut berkata, dengan memilih Chew, rakyat Kajang akan menikmati pembangunan lebih pesat memandangkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berada di belakang Chew.

"Bersama beliau adalah menteri Kabinet. Itu yang mendukung perjuangan beliau.

"Hebat macam mana sekalipun (Anwar), beliau tidak boleh meluluskan apa-apa. Anwar mana boleh luluskan MRT," katanya merujuk kepada pembangunan MRT di Kajang.

"Chew jambatan yang baik kepada kerajaan pusat, dan jambatan itu amat dekat," katanya.

Berbeza dengan Anwar, Ahmad berkata, beliau yakin Chew boleh memberikan perkhidmatan terbaik memandangkan beliau tidak terlalu sibuk seperti Anwar.

"Anwar pemimpin bertaraf dunia. Beliau sibuk, kena jaga Permatang Pauh, jaga dunia lagi, jaga ketua pembangkang lagi," katanya merujuk kepada kerusi Parlimen yang dimenangi Anwar.

Berdasarkan pertemuan dengan penduduk di Kajang, Ahmad berkata penduduk Kajang hanya mahukan pemimpin yang mudah didekati.

"Apa yang saya lihat, mereka nak orang yang mendekati mereka. Adun sebelum ini susah nak jumpa.

"Mereka ingin wakil rakyat, Adun yang senang ditemui, di bawa berbincang, yang ada pengalaman. Semua itu ada pada Chew Mei Fun," tambahnya.

Ahmad berkata lagi, meskipun misi BN untuk menang di Kajang ibarat "mission impossible", parti kerajaan itu jelasnya mampu menewaskan Anwar.

"Ia bukan perkara mustahil. 'Mission impossible' selalunya berjaya," katanya, dan menambah, BN hanya memerlukan kira-kira 3,500 undi untuk menewaskan PKR.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan hari penamaan calon bagi PRK Kajang pada 11 Mac. Selain Anwar dan Chew, bekas menteri Kabinet yang juga bekas anggota PKR, Datuk Zaid Ibrahim sudah menyatakan hasrat untuk bertanding dalam PRK Kajang.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/walaupun-mission-impossible-tewas-di-kajang-pukulan-besar-buat-anwar-kata-a>